

# Setiausaha Luar Britain kunjungi Timbalan Perdana Menteri

UM 11 JAN 2001

PUTRAJAYA 10 Jan. — Setiausaha Negara Britain Bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Jack Straw, hari ini mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Straw yang dalam la-

watan rasmi sehari ke negara ini tiba pagi ini untuk lawatan pertamanya ke Malaysia sejak menjadi Setiausaha Luar pada Jun 2001.

Selepas kunjungan hormat ke Pejabat Perdana Menteri, Straw turut mengunjungi Timbalan Per-

dana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya yang berada di bangunan yang sama.

Terdahulu, beliau mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa.